



Ruj : JANM.BPPP.500-5/1/1 (29)
Tarikh : 14 Oktober 2020

Semua Ketua Setiausaha Kementerian

Semua Ketua Jabatan Persekutuan

Semua Setiausaha Kerajaan Negeri

YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

**PEMAKLUMAN PENANGGUHAN PEPERIKSAAN PERKHIDMATAN SUBJEK
JABATAN PENOLONG AKAUNTAN W29 DAN PEMBANTU AKAUNTAN W19
BAGI SIRI 1/2020**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Seperti mana YBhg. Tan Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan, sedia maklum, Kerajaan telah menguatkuasakan Prosedur Operasi Standard (SOP) Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) di seluruh Negeri Sabah, W.P. Kuala Lumpur, Putrajaya dan Selangor bagi menangani wabak Covid-19.

3. Sehubungan dengan itu, Urus Setia Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) bersetuju untuk menangguhkan Peperiksaan Perkhidmatan Subjek Jabatan Penolong Akauntan W29 dan Pembantu Akauntan W19 bagi Siri 1/2020 yang dijadualkan pada 14 Oktober 2020. Calon peperiksaan yang terlibat hendaklah mengambil maklum dengan penangguhan peperiksaan ini.

4. Sebarang pertanyaan berhubung peperiksaan JANM boleh dikemukakan terus kepada Urus Setia Peperiksaan JANM di talian 03-8882 1183/ 1197/ 1185 atau melalui email di alamat urus_pep@anm.gov.my.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"Pertingkat Inovasi Terokai Transformasi Kuasai Globalisasi"

(SADIKIN BIN ATAN C.A.(M))

Timbalan Akauntan Negara (Korporat)